

Pengumpulan Semula Orang Asli di Betau: Satu Penelitian Ringkas

HASAN MAT NOR

ABSTRAK

Artikel ini cuba membicarakan usaha menempatkan semula satu kumpulan Orang Asli dari kumpulan etnik Semai di kawasan Betau, Pahang. Sejumlah 286 keluarga terlibat dalam penempatan semula ini. Peserta-peserta dalam projek ini telah diberikan bantuan kewangan, perumahan dan juga tanah untuk diusahakan dengan tanaman getah. Mereka juga diberi binatang ternakan sebagai pendorong untuk menggalakkan mereka supaya mengubah cara hidup tradisional mereka kepada cara hidup yang lebih 'maju'. Perbincangan dalam kertas ini akan juga meneliti implikasi usaha pembangunan ini terhadap kehidupan masyarakat Semai tersebut setelah mereka dikumpulkan beramai-ramai dalam satu kawasan yang lebih kecil dan digalakkan pula meninggalkan cara hidup tradisi supaya mereka dapat dirangkumkan bersama ke dalam arus pembangunan negara.

ABSTRACT

This article attempts to discuss the resettlement and regrouping of the Orang Asli from the Semai community in Betau, district of Kuala Lipis, Pahang. A total of 286 families were involved in this programme. The participants of this scheme were given financial assistance, housing and a small plot of land each for rubber planting. They were also given animals to rear so as to encourage them to change their traditional way of life to one that is more 'advanced'. This paper will also examine the implication of this resettlement and regrouping programme on the lives of the Semai community after they have all been resettled in an area which was smaller than their previous kampungs and have been encouraged to leave behind their traditional way of life so that they could be incorporated into the mainstream of national development.

PENGENALAN

Projek Penempatan Semula Orang Asli di Betau, Pahang merupakan satu daripada projek Pengumpulan Semula Orang Asli di Kawasan Titiwangsa dan DARA yang terdapat dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Keempat (1981-1985). Kos projek ini dianggarkan berharga \$10.5 juta dan

melibatkan 1,289 orang yang terdiri daripada 286 keluarga. Sejumlah 2,860 ekar tanah telah disediakan untuk tujuan ini, dan daripada jumlah tersebut 572 ekar dijadikan kawasan perkampungan, 572 ekar kawasan dusun dan 1,716 ekar untuk tanaman getah atau kelapa sawit.

Usaha untuk membangunkan Orang Semai khasnya dan Orang Asli di Malaysia amnya telah dilaksanakan dengan giatnya sejak tahun 1957 lagi. Pembangunan tersebut adalah ditumpukan kepada memperbaiki keadaan sosio-ekonomi mereka yang dianggap ketinggalan jika dibandingkan dengan kaum lain (Carey 1976: 331-333). Usaha ini menjadi begitu penting dan perlu disegerakan kerana kedudukan mereka yang strategis kepada keselamatan negara. Pernah pada satu masa yang lalu mereka ini diperalatkan oleh Pergerakan Komunis Malaya bagi mendapatkan bantuan untuk kepentingan perjuangan menentang kerajaan (Carey 1976: 291). Jika sekiranya perhatian dan perlindungan kepada Orang Asli tidak diberikan, kemungkinan mereka akan diseret semula dalam Gerakan Komunis itu adalah besar.

Di samping itu juga pembangunan masyarakat Orang Asli ini menjadi perlu kerana hasrat kerajaan inginkan mereka diintegrasikan ke dalam masyarakat Malaysia yang lebih besar. Hanya melalui pengintegrasian sahaja Orang Asli akan dapat diserapkan ke dalam sistem kebangsaan dan dengan itu mereka tidak lagi menjadi masyarakat yang terencil dan terpisah daripada masyarakat Malaysia yang lain. Umumnya undang-undang negara juga telah menetapkan supaya Orang Asli turut diberikan kesempatan untuk menikmati faedah yang sama dari segi hak dan peluang seperti yang telah dikurniakan oleh undang-undang negara ini kepada warga negara ini yang lain.

Juga adalah dipercayai pengintegrasian melalui pembangunan ini apabila dicapai akan melenyapkan konotasi 'kurang baik' yang didokong oleh gelaran 'Orang Asli'. Pandangan rendah oleh kumpulan lain terhadap kumpulan tersebut, serta rasa rendah diri yang ada pada Orang Asli itu akan hapus apabila kedudukan sosio-ekonomi mereka setanding dengan kaum lain. Kemajuan dalam taraf hidup mereka ini akan memberikan mereka keyakinan dan bangga diri untuk membolehkan mereka berganding bahu bersama rakyat Malaysia yang lain.

Justeru dari hasrat pembangunan yang demikian, perubahan-perubahan yang direncanakan haruslah menyentuh beberapa aspek kehidupan serta nilai-nilai hidup yang pokok dalam budaya Orang Asli. Usaha kerajaan memajukan Orang Asli ini yang disalurkan melalui sistem pelajaran, kesihatan dan pembangunan ekonomi kini telah lebih suku abad dilaksanakan. Namun perubahan yang menggalakkan dalam bidang pelajaran dan ekonomi masih jauh daripada yang diharapkan. Bilangan kaum Orang Asli yang mencapai taraf pelajaran yang tinggi masih terlalu kecil untuk disebutkan sebagai contoh. Malah dalam bidang ekonomi juga belum terdapat lagi Orang Asli yang berjaya. Hanya dalam bidang per-

ubatan dan kesihatan sahaja kejayaan pembangunan dapat dibanggakan. Diharapkan dengan mengumpulkan semula Orang Asli ini ke dalam satu kawasan maka usaha yang lebih efektif dapat dilaksanakan. Melalui pengumpulan dan penempatan semula beramai-ramai di sebuah kawasan, infrastruktur sosial dan kemudahan asas yang lain akan dapat disediakan secara lebih berkesan untuk mereka.

RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA

Rancangan pengumpulan Semula Orang Asli ini adalah satu program komprehensif yang diperkenalkan pada awal dekat 80-an ini. Matlamat dasarnya ialah untuk mengintegrasikan dan mengasimilasikan Orang Asli Malaysia ke dalam aliran kehidupan masyarakat nasional melalui memperbaiki taraf hidup mereka supaya sejajar dengan masyarakat lain. Melalui konsep Rancangan Pengumpulan Semula ini diharapkan pencapaian Orang Asli dalam pembangunan sosio-ekonomi akan dapat ditingkatkan lagi. Falsafah Rancangan Pengumpulan Semula ini ialah "Keselamatan Melalui Pembangunan".

Rancangan Pengumpulan Semula ini adalah dipadankan daripada Projek FELDA dengan menggunakan konsep pembangunan *in situ*. Dengan pendekatan pembangunan yang demikian diharapkan Orang Asli akan dapat menerima pembangunan itu secara lebih berkesan, kerana dasar rancangan ini ialah mengumpulkan mereka di kawasan-kawasan asal mereka, supaya mereka dengan mudah dapat menyesuaikan sekitaran itu dengan kehidupan mereka, tanpa mengalami sebarang kejutan budaya (cultural shock). Di samping itu juga pengumpulan mereka beramai-ramai ke dalam kawasan yang lebih kecil akan memudahkan pembinaan infrastruktur dan menjimatkan kos pembangunan dan dengan itu faedahnya dapat dinikmati oleh kumpulan yang lebih besar. Di samping itu juga tugas mengawal keselamatan di kawasan pedalaman akan menjadi lebih mudah.

Rancangan Pengumpulan Semula untuk Orang Asli ini telah direncanakan di dua buah kawasan iaitu Kawasan Titiwangsa dan Kawasan DARA. Sejumlah 7,390 Orang Asli di Perak, 3,409 orang di Kelantan dan 13,768 Orang Asli di Pahang dijangka akan mendapat faedah jika sekiranya rancangan ini berjaya.

RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA BETAU

Kajilidikan terhadap komuniti Semai yang terdapat di Betau ini telah dibiayai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan telah dijalankan dalam tiga tinjauan yang berasingan yang dibuat sepanjang tahun 1981-1982. Tujuannya adalah untuk melihat penerimaan komuniti Semai ini terhadap

Rancangan Pengumpulan Semula yang direncanakan itu di samping meneliti implikasi projek tersebut terhadap kehidupan tradisi mereka. Semasa berada di kawasan ini saya telah berpeluang menemuramah empat orang batin dan juga penduduk-penduduk di sini. Saya juga telah dapat mengumpulkan maklumat daripada pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang ditempatkan di Betau dan juga pegawai-pegawai yang tinggal di Kuala Lipis. Di samping itu beberapa orang awam yang kerap berhubung dengan Komuniti Semai di Betau ini juga sempat saya temui. Berbagai-bagai cerita yang menarik telah dapat saya kumpulkan berkenaan dengan komuniti Semai di Betau ini.

Rancangan Pengumpulan Semula Betau telah dimulakan pada akhir tahun 1979 dengan anggaran perbelanjaan yang berjumlah lebih \$10 juta. Pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah dihantar untuk memujuk penduduk-penduduk yang tinggal bertaburan dalam dua puluh buah kampung di kawasan hutan seluas 9 batu persegi di sekitar lembah Sg. Betau dan Sg. Jelai dalam daerah Kuala Lipis. Usaha memujuk mereka supaya meninggalkan kampung halaman asal mereka dan berpindah ke kawasan Betau yang luasnya hanya 2,860 ekar itu bukanlah satu usaha yang mudah. Berbagai-bagai teknik telah digunakan untuk mempengaruhi mereka supaya menerima rancangan kerajaan ini. Sehingga masa kajian ini dibuat masih ada kumpulan yang tidak pindah ke kawasan yang disediakan dan masih mahu terus menetap di tempat asal mereka. Ada juga beberapa individu yang lari semula ke kampung lama mereka setelah merasa kurang yakin dengan Rancangan Pengumpulan Semula Betau itu.

Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli di Betau ini adalah salah sebuah daripada 25 buah skim Rancangan Pengumpulan Semula yang telah dicadangkan di kawasan Titiwangsa. Bandar-bandar utama yang berhampiran dengannya ialah Raub, dan Kuala Lipis yang jaraknya masing-masing di antara 40 dan 20 batu daripada Betau. Kawasan penempatan yang paling hampir dengannya ialah FELDA sungai Koyan yang letaknya kira-kira 8 batu dari pusat Betau. Kita boleh sampai ke Rancangan ini melalui jalan raya dari Raub dan Kuala Lipis melalui Felda Sg. Koyan. Dari sini hanya kenderaan yang kuat seperti landrover dan trak sahaja yang sesuai digunakan untuk mendaki jalan tanah-merah di lereng-lereng bukit yang sangat tinggi. Perjalanan sejauh lapan batu dari Felda itu memakan masa hampir satu jam. Pada musim hujan jalan ini menjadi licin dan sangat berbahaya untuk dilalui. Di samping jalan darat, Rancangan Betau ini boleh juga dihubungi melalui Sungai Jelai dari Kuala Lipis melalui Kampung Kuala Medang. Jarak Rancangan ini dari Kampung Kuala Medang ialah 13 batu. Ada beberapa Orang Batin di Rancangan ini yang memiliki bot berjinjir yang digunakan untuk pengangkutan ke tempat tersebut. Umumnya Orang Semai di Betau ini lebih banyak menggunakan sungai untuk mengangkut hasil hutan yang

mereka usahakan untuk dipasarkan keluar. Rancangan Betau ini juga dapat dihubungi melalui udara dengan menggunakan helikopter.

ASPEK PEMBANGUNAN

Pelan induk bagi pembangunan infrastruktur Betau ini telah disediakan oleh Unit Perancang Bandar, yang bertujuan untuk menjadikannya sebuah model penempatan desa yang serba lengkap dengan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, hospital, pusat membeli belah, kawasan rekreasi, sekolah dan pusat pentadbiran. Ia juga akan dihubungkan dengan kawasan-kawasan desa yang lain melalui jalan raya yang akan dibina.

Kawasan Betau yang dicadangkan untuk dimajukan ini meliputi kawasan seluas 7,539 ekar telah digezetkan sebagai Kawasan Simpanan Orang Asli. Pendekatan pembangunan yang bersepadu telah dirangka untuk kaum Semai yang ditempatkan di sini. Setiap keluarga diberikan dua ekar tanah untuk kampung, dua ekar untuk dusun dan enam ekar untuk tanaman getah atau kelapa sawit. Rumah-rumah jenis 'rumah melati' untuk peserta juga didirikan. Pada masa kajian ini dibuat 70 buah 'rumah melati' telah didirikan di 10 buah kampung. Tetapi projek memajukan ekonomi seperti dusun dan kebun getah atau kelapa sawit belum lagi dimulakan.

Untuk menggalakkan penduduk Semai daripada 20 buah kampung itu menyertai projek pengumpulan ini kerajaan telah memberikan mereka bantuan kewangan sebanyak \$100.00 sebulan kepada setiap keluarga dan \$50.00 sebulan kepada setiap orang bujang yang menyertai projek ini untuk enam bulan pertama. Selepas itu apabila tanaman kontan mereka telah mengeluarkan hasil bantuan bulanan ini akan dikurangkan kepada \$50.00 untuk satu keluarga \$25.00 untuk orang bujang sehinggalah projek ekonomi untuk mereka mengeluarkan hasil. Di samping bantuan bulanan ini peserta Rancangan Pengumpulan Semula ini juga diberikan alat-alat pertanian seperti parang, kapak, cangkul serta benih-benih seperti benih padi, jagung, pisang dan sayuran untuk mereka usahakan.

Untuk mengendalikan program Rancangan Pengumpulan Semula ini pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah menempatkan seramai empat puluh orang kakitangannya di sini, termasuk tiga puluh empat orang pekerja tetap dan enam orang pekerja sementara. Pekerja-pekerja ini diketuai oleh seorang Pengurus, seorang Timbalan Pengurus, empat orang Pegawai Luar Tingkatan Biasa, tiga orang Pembantu Luar Kanan, empat belas orang Pembantu Luar Tingkatan Biasa, lima orang buruh am, dua orang tukang masak, empat orang buruh Pembasmi Malaria, dua orang pemandu bot, tiga orang pemandu kereta dan seorang bidan. Semua pegawai ini ditempatkan di sini supaya mereka mudah mengendalikan

urusan pembangunan. Di kawasan kediaman pegawai-pegawai ini didirikan sebuah Pejabat Pentadbiran Rancangan Pengumpulan Semula, sebuah hospital, sebuah sekolah dan sebuah kedai runcit koperasi Orang Asli. Kawasan ini yang merupakan pusat Betau dan disediakan dengan bekalan elektrik dari sebuah penjana kuasa yang dijalankan dari pukul 7 petang hingga 10 malam. Jika dilihat dari kemudahan yang sudah mula diadakan, Betau tidak lagi merupakan kawasan kediaman yang mundur dan terpencil, sebaliknya ia bakal menjadi sebuah petempatan yang moden walaupun kedudukannya jauh di tengah belantara Titiwangsa.

Struktur Pentadbiran di Rancangan Pengumpulan Semula Betau ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu:

1. Bahagian Pentadbiran
2. Bahagian Perubatan/Kesihatan
3. Bahagian Pelajaran
4. Bahagian Pembangunan Ekonomi
5. Bahagian Perhubungan dan Gerakan
6. Bahagian Penyelidikan dan Perancangan

Adalah menjadi tanggungjawab setiap pegawai JHEOA yang ditempatkan di sini untuk mengawasi dan memajukan bahagian masing-masing. Dalam usaha mengumpulkan Orang Semai daripada 20 buah kampung yang bertaburan itu, pihak perancang telah mencadangkan untuk mengekalkan kesedaran *community service community farming, community ownership* dan semangat berdikari, Bagaimana kesemua ciri ini dapat dikekalkan dalam persekitaran yang baru belum lagi dapat dipastikan.

Kampung-kampung asal yang memang berada dalam kawasan Betau tetap kekal di tempat asal mereka, tetapi kampung-kampung yang dipindahkan ke dalam kawasan Rancangan Betau ini, (14 buah kampung terlibat untuk dipindahkan) terus diletakkan ke kawasan tebing-tebing sungai yang sama di mana kampung asal mereka didapati. Mereka juga dibenarkan mengekalkan nama asal kampung mereka di tempat yang baru ini, disamping mengekalkan anggota asal mereka. Dengan cara ini tiap-tiap kelompok dapat mengekalkan identiti masing-masing.

IMPLIKASI RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA

Dalam menilai usaha Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli ini beberapa kesimpulan dapat dibuat. Pertama, kita dapati wujudnya perkampungan Orang Semai yang tetap serta lengkap dengan rumah-rumah yang teratur susunan dan moden bentuknya. Justeru itu amalan hidup mereka yang kerap berpindah randah akan lenyap. Kemudahan yang disediakan untuk mereka itu akan menjamin keselesaan hidup. Di samping itu perubahan pada bentuk rumah dapat diperhatikan. Bukan sahaja bahan binaannya lebih baik dan kukuh, malah konsep baru kepada

penggunaan ruang turut diperkenalkan. Tiap-tiap rumah dilengkapi dengan ruang-tamu, bilik tidur, ruang dapur dan tempat makan. Konsep ruang-ruang yang khusus begini tidak pernah jelas dalam struktur rumah Orang Asli yang tradisional. Kesan daripada keadaan struktur rumah yang mengkhususkan ruang-ruang untuk sesuatu aktiviti sosial dalam kehidupan sehari-hari ialah lahir satu kesedaran tentang; *de privacy*. Rumah-rumah di Rancangan ini juga dilengkapi dengan tandas curah supaya kebersihan dapat dijamin.

Kedua, Rancangan ini juga mengubah asas ekonomi mereka daripada pertanian pindah kepada pekebun-pekebun kecil. Justeru itu kehidupan mereka akan bertambah tersirat ke dalam ekonomi pasaran antarabangsa. Harga barang di pasaran antarabangsa akan banyak memberi kesan kepada taraf kehidupan dan kadar pendapatan mereka. Selanjutnya kegiatan mereka bertanam padi huma dijangkakan akan merosot kerana terhadnya kawasan-kawasan yang dapat diusahakan untuk kegiatan itu. Pada masa kajian ini dibuat tidak ramai lagi yang mengamalkan aktiviti berhuma. Polisi menetapkan had luas tanah yang boleh dimiliki melalui Rancangan Pengumpulan Semula ini menyekat kebebasan mereka meneroka tanah baru untuk kegiatan penanaman padi. Usaha menaman berulang-ulang kali di satu dua tempat yang sama akan menyebabkan hasil keluaran padi merosot kerana tanah tersebut hilang kesuburannya saban kali ia digunakan. Berkurangnya hasil daripada kegiatan ini telah melemahkan lagi semangat mereka untuk meneruskan kegiatan tersebut.

Sehubungan dengan ini, pergantungan mereka kepada pengeluaran hasil hutan juga telah berkurangan. Hal ini berlaku kerana kawasan hutan tempat mereka bergerak itu sudah dihadkan. Setiap kali mereka hendak keluar daripada kawasan Rancangan Betau untuk masuk ke kawasan hutan yang lebih jauh, mereka terlebih dahulu perlu memaklukkan tujuan mereka itu kepada pihak keselamatan. Dengan cara ini pergerakan mereka menjadi terkawal. Kerap kali juga mereka diarahkan supaya menghindari kawasan hutan tertentu kerana di situ sedang diadakan rondaan keselamatan. Dengan cara begini kegiatan mereka untuk mengeluarkan hasil hutan itu menjadi lebih rumit. Implikasi daripada tekanan begini serta ditambah pula oleh kepadatan penduduk yang lebih tinggi sementara luas ruang hutan yang boleh mereka teroka menjadi lebih kecil dan hasilnya yang dapat dikeluarkan menjadi lebih kecil. Keadaan ini memaksa Orang Semai untuk terus bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata. Pada hemat saya kesan jangka panjang daripada Rancangan Pengumpulan Semula ini terhadap kehidupan Orang Semai di Betau ialah ia akan menghadkan kegiatan ekonomi mereka kepada penghasilan sumber sahaja untuk menyara kehidupan. Hal ini akan menyebabkan pemakanan mereka merosot, kerana sumber alam semula jadi seperti hidupan liar yang selama ini banyak didapati turut musnah bila keseimbangan hutan itu dicemari oleh projek pertanian moden. Pupusnya

sumber alam ini bererti pupusnya juga kekayaan Orang Asli yang selama ini mereka miliki dan nikmati. Apakah kualiti perubahan yang direncanakan itu sebenarnya menjamin keselesaan hidup Orang Asli? Hanya masalah yang akan menentukan jawapannya.

Ketiga, tradisi hidup mereka yang gemar tinggal berasingan dalam kumpulan kecil akan lenyap, kerana polisi Rancangan Pengumpulan Semula ini menggalakkan mereka tinggal beramai-ramai di dalam sebuah kawasan. Dengan cara yang demikian usaha memajukan mereka menjadi lebih mudah dan ekonomi. Kawasan tempat tinggal mereka itu juga dapat dilengkapkan dengan sistem perhubungan yang lebih baik dengan kawasan-kawasan lain. Keadaan ini bukan sahaja memudahkan mereka membawa hasil usaha mereka keluar untuk dipasarkan, malah akan mendedahkan mereka dengan lebih luas lagi kepada pengaruh-pengaruh dan anasir-anasir dari luar yang tidak semestinya akan membawa kesan yang positif sahaja.

Keempat, Rancangan ini juga akan menyediakan bekalan letrik dan air untuk kegunaan rumahtangga Orang Semai di Betau. Ini akan dapat mengawal kemungkinan timbulnya sebarang wabak yang berpunca daripada penggunaan air yang kurang bersih. Dengan adanya bekalan elektrik, mereka akan berpeluang menggunakan alat-alat seperti televisyen dan peti ais pada masa akan datang. Pada masa kajian ini dibuat telah ada lima keluarga yang memiliki televisyen yang menggunakan kuasa bateri.

Kelima, dengan adanya sebuah hospital desa yang dikendalikan oleh beberapa orang kakitangan JHEOA, keadaan kesihatan penduduk di sini bukan sahaja akan dapat diperbaiki malah pengawalan penyakit dan rawatan dapat diberikan dengan segera. Pendedahan kepada sistem perubatan yang lebih moden akan memberikan kesan yang baik kepada kesihatan dan kadar pertumbuhan penduduk. Diharapkan nanti bukan sahaja jumlah penduduk itu akan bertambah tetapi juga kualiti kesihatan mereka akan menjadi lebih sempurna. Penyakit kulit seperti panau, kurap dan penyakit-penyakit lain seperti lelah, batuk kering dan malaria tidak akan menjadi masalah kepada kehidupan mereka pada masa akan datang. Kewujudan sekolah yang dilengkapi dengan kemudahan serta guru-guru yang lebih baik diharapkan akan dapat memberi kesan yang positif kepada kejayaan akademik generasi Semai masa hadapan. Anak-anak Orang Semai tidak lagi perlu berulang jauh dari rumah ke sekolah seperti pada masa lalu kerana sekolah di Betau ini telah dilengkapi dengan asrama dan semua pelajarinya diberikan sarapan dan makanan tengah hari dengan percuma dan dengan ini mereka akan menjadi lebih rajin dan tekun belajar. Adalah diharapkan supaya guru-guru di sekolah ini dapat mendedahkan pelajar-pelajar ini kepada sekitaran yang lebih luas daripada alam tempat tinggal pelajar itu sendiri. Pendedahan ini akan dapat mengubah sikap dan pandangan hidup pelajar itu untuk berusaha memperbaiki keadaan hidup mereka.

PERUBAHAN PADA POLA HUBUNGAN SOSIAL

Umumnya bila sahaja alam sekitaran sesuatu komuniti itu diubah ataupun berubah sama ada dengan sengaja oleh manusia atau akibat perubahan yang berlaku pada alam itu sendiri, dan ini diikuti pula oleh perubahan pada aktiviti dan teknik kerja maka dengan sendirinya pula pola-pola hubungan sosial yang sedia wujud di kalangan komuniti itu juga akan turut berubah. Hal ini berlaku kerana manusia perlu mencipta strategi yang sesuai untuk terus dapat mengadaptasikan diri mereka kepada sekitaran yang baru itu bagi menjamin penerusan kewujudan mereka (Jochim 1981). Keadaan yang sama berlaku bila sahaja Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli dilaksanakan. Pola hubungan sosial tradisional mereka mula tergugat. Misalnya, seorang batin itu mula merasakan kewibawaannya dalam kelompok yang dipimpinya mula merosot. Kewibawaan seseorang puyang juga mula tergugat bila sistem perubatan moden berpeluang menrobos wilayah wibawanya dan mencabar monopolinya selama ini. Kedua-dua pendokong status ini merasakan kini telah wujud satu kuasa lain dari luar yang mengawal dan membuat keputusan serta mempengaruhi kehidupan komuniti yang mereka pimpin. Pandangan mereka tidak menjadi buah pendapat yang mutlak lagi. Anak buah yang mereka pimpin kini boleh merojok kepada agen-agen dari luar komuniti mereka untuk nasihat dan bantuan. Ringkasnya 'autonomi' yang selama ini mereka nikmati mulai lenyap.

Orang Semai di Betau sebenarnya merasakan tidak enak bila mereka dikumpulkan beramai-ramai di dalam sebuah kawasan. Apatah lagi bila mereka yang dipindahkan ke Betau itu melihat Betau sebagai daerah tradisi atau 'saka' yang telah dimiliki oleh kelompok lain. Dan mereka yang memang berasal dari Betau pula melihat kumpulan yang dipindahkan itu sebagai pendatang yang kini diberi kuasa oleh Kerajaan untuk mewarisi daerah yang selama ini mereka miliki. Rasa tidak puas hati antara kedua belah pihak ini telah banyak saya dengar. Mereka bimbang perselisihan faham mungkin akan terjadi bukan sahaja kerana persoalan hak warisan tetapi juga kerana kontak antara mereka menjadi lebih kerap dan juga kerana terdapatnya ragam perangai yang bermacam-macam maka pergaduhan sukar dihindarkan. Mungkin situasi begini akan dapat menguji tesis Dentan (1968) terhadap Komuniti Semai yang dikatakannya non-violent itu. Seorang Batin di sini telah merumuskan pendapatnya dengan kata-kata "hidup berkumpul begini bukan mendatangkan kesenangan dan kemudahan tapi menyusahkan sebab bila dah ramai macam-macam kelakuan ada." Pandangannya ini jelas membayangkan kekhuatirannya tentang kemungkinan terjadinya perselisihan faham dan pergaduhan pada masa akan datang jika sekiranya tidak ada sebarang langkah positif dibuat untuk membenters kemungkinan-kemungkinan ini.

Perubahan dalam aktiviti ekonomi juga membawa kesan kepada kesepaduan hubungan dalam kelompok komuniti Semai. Kegiatan kehidupan yang dilakukan bersama seperti memburu, mencari rotan dan gaharu serta berladang padi mula berkurangan bila kawasan kegiatan mereka menjadi terhad. Dengan bertambahnya pergantungan mereka kepada bekalan makanan dari luar, dan sukar pula mendapatkan wang maka amalan beragih-agih makanan mula berkurangan. Ini mungkin berpunca daripada sikap mereka terhadap sumber makanan itu sendiri. Mereka berpendapat hasil daripada hutan itu adalah milik komuniti, justeru itu bila mereka berjaya memperoleh tangkapan dari hutan hasilnya mereka kongsi bersama. Tetapi barang-barang yang mereka beli dari pasar adalah milik individu. Jika barang itu tidak dikongsikan tidak akan menimbulkan sebarang tekanan sosial kepada diri individu itu. Implikasi daripada sikap begini ialah apabila lebih erat pergantungan mereka kepada pasar untuk sumber makanan, maka akan menjadi lebih renggang pula kesepaduan hidup berkelompok mereka kerana bantuan daripada anggota kelompok itu tidak diperlukan lagi untuk menolong mereka memperoleh bahan-bahan makanan itu.

Rancangan Pengumpulan Semula ini juga telah mendedahkan Orang Semai kepada orang luar. Selain daripada pegawai-pegawai JHEOA yang ditempatkan di sini, ramai juga terdapat pekerja balak, pekerja jabatan ukur, pekerja jabatan hutan dan anggota pasukan keselamatan tinggal di sini. Orang luar juga sering datang untuk berniaga dengan Orang Semai di sini. Kehadiran orang-orang luar yang bukan Semai yang ramai ini mencemaskan mereka, kerana mereka menganggap orang-orang ini boleh melakukan sesuatu terhadap diri mereka. Tidak semua orang luar itu dapat mereka anggap sebagai orang baik dan tidak jarang pula orang-orang ini menimbulkan masalah kepada ketenteraman hidup mereka. Pendeknya mereka merumuskan orang luar itu sebagai pendatang yang lebih banyak menyusahkan. Mereka khuatir anak isteri mereka akan diganggu. Pandangan ini telah disuarakan oleh kesemua batin yang ditemui. Kenyataan kebimbangan batin-batin ini sukar ditolak kebenarannya bila kita selidiki pandangan dan sikap orang-orang luar ini terhadap Orang Semai. Ramai daripada orang luar ini yang beranggapan "nak dapat anak gadis orang asli bukanlah susah sangat, kalau kita berani kita boleh cuba. Dia orang tak berani buat apa." Pendirian dan sikap serta pendapat demikian jelas menunjukkan keangkuhan orang-orang tersebut yang mempunyai pandangan yang negatif terhadap Orang Asli. Mereka beranggapan Orang Asli itu lemah, bodoh dan tidak berani bertindak. Lagi pula kesalahan-kesalahan tersebut dapat dengan mudah diselesaikan dengan membuat bayaran kepada keluarga itu melalui batin, dan kadar bayaran ini dianggap kecil. Mereka tidak bimbang akan kemungkinan kesalahan itu dibawa kemuka pengadilan kerana selalunya pihak keluarga dan batin akan menyelesaikan sebarang pertikaian itu mengikut tradisi.

Pihak JHEOA juga lebih suka jika ada isu-isu demikian diselesaikan secara aman dan senyap-senyap tanpa melibatkan mahkamah. Mengikut pendapat batin-batin itu sebarang pertikaian itu akan dibawa ke tengah hanya apabila orang yang terlibat enggan membuat penyelesaian secara damai.

Pandangan mereka terhadap orang luar khususnya Orang Melayu yang mereka panggil 'gob' juga memberi kesan kepada cara tindak-tanduk mereka dalam berinteraksi. Di sini saya petik pendapat seorang batin terhadap Orang Melayu. Katanya: "Sen oi tak boleh rapat dengan gob, takut tulah. Sebab gob ini lebih tinggi (mulia), kerana gob percaya kepada tuhan. Gob bersunat dan bersuci-jadi bersih. Sen oi tidak. Sebab itu orang Sen oi kutor, tidak boleh lebih daripada orang suci - tulah. Kalau nak jadi gob mesti bersunat dan bersuci. Tak boleh hidup cara Sen-oi." Daripada kenyataan ini dapat kita simpulan wujudnya rasa rendah diri Orang Semai bila berinteraksi dengan Orang Melayu.

Pentingnya konsep tulah ini dalam hubungan mereka dengan orang Melayu menyebabkan mereka selalu mengalah dan tidak melawan. Mereka bimbang apabila mereka melawan penderitaan mereka akan menjadi lebih hebat lagi. Rasa takut kepada tulah dan percaya Orang Melayu itu lebih tinggi (mulia) menjadikan sikap mereka pasif bila bersua dengan masalah yang berkait dengan Orang Melayu. Oleh sebab itu mereka lebih suka mengalah atau pun terus mengelak daripada mempunyai hubungan yang rapat dengan Orang Melayu. Hubungan yang rapat dengan gob hanya akan terjalin apabila mereka sudah benar-benar kenal dan percaya akan ketulusan hati gob itu. Selagi mereka mempunyai syak wasangka terhadap mana-mana gob, mereka lebih suka mengelak dari berinteraksi.

Sikap rendah diri dan ditambah pula dengan rasa tidak faham tentang apa yang sedang berlaku kepada kehidupan mereka dan apa pula yang akan terjadi pada masa hadapan menyebabkan Orang Semai di Betau merasa sangsi dan khuatir terhadap kehidupan mereka. Mereka tidak faham mengapa kehidupan mereka perlu diubah sedangkan perubahan sedemikian rupa tidak pernah mereka pinta. Mereka tidak merasakan cara hidup yang mereka amalkan itu menyulitkan dan perlu diubah. Peristiwa dipindahkan beramai-ramai itu ke suatu tempat baru bukanlah perkara yang asing bagi mereka, kerana pengalaman pahit ini masih jelas dalam ingatan sebilangan besar daripada mereka. Mengikut cerita daripada mereka ini pada masa Jepun dan masa dharurat dahulu mereka telah diarahkan berpindah beramai-ramai ke Bukit Betong. Ramai daripada mereka yang mati sakit dan kebuluran. Mereka berpendapat hidup berkumpul begitu tidak mendatangkan kesenangan dan kemudahan. Kini perpindahan beramai-ramai itu berulang lagi. Mereka khuatir kalau projek ini gagal mereka akan diarahkan berpindah lagi. Kata mereka, "Hidup kami sentiasa dihukum; kerajaan selalu sahaja buat hukum (perintah) bukan untuk senangkan kami tapi untuk persusahkan, sekejap

begitu sekejap begini, hinggalah nak cari makan dalam hutan pun dah susah. Lawok (lauk) pun sekarang dah payah nak dapat sebab sekarang hutan bukan kita punya lagi, tapi kerajaan punya. Yang kita tahu di zaman tok nenek kita hutan itulah kita punya. Tapi sekarang ini nampaknya orang bandar pula yang punya hutan. Dia hukum kita.”

Sikap dan pandangan yang dilahirkan oleh Orang Semai ini mempunyai implikasi terhadap kekesanan dan kejayaan Rancangan Pengumpulan Semula ini. Rasa tidak faham perlunya pembangunan ini dilaksanakan untuk mereka serta bimbang pula akan dikerah untuk berpindah lagi melemahkan semangat mereka untuk berusaha sepenuhnya dalam menjayakan projek tersebut. Keadaan ini menjadi lebih buruk bila pegawai-pegawai yang ditugaskan menjayakan projek ini tidak mendapat latihan yang cukup serta kurang dedikasi terhadap bidang yang mereka tadbirkan dalam projek pembangunan itu. Dari pemerhatian yang saya perolehi semasa penyelidikan ini dibuat kebanyakan interaksi dalam membimbing orang Semai ini lebih banyak berupa arahan dan perintah daripada membimbing serta tunjuk ajar dengan memberikan contoh-contoh yang dapat mereka tauladani. Apabila mereka tidak faham bagaimana sesuatu kerja itu harus dibuat biasanya mereka enggan melaksanakan kerja tersebut dan kerana sikap yang begini mereka dianggap degil dan pemalas. Ekoran daripada pandangan yang begini terhadap Orang Semai itu, maka pegawai-pegawai tersebut mula tawar hati dan enggan bekerja lebih giat supaya projek itu berjaya. Rasa kecewa pada hati pegawai-pegawai ini melemahkan semangat mereka untuk menjadi lebih dedikasi kepada tugas mereka. Sebarang kerja yang dibuat akan menjadi seperti melepaskan batuk di tangga sahaja.

PERUBAHAN PADA POLA HUBUNGAN DENGAN SEKITARAN FIZIKAL

Rancangan Pengumpulan Semula ini menjadikan hutan belantara yang pada satu ketika dahulu menjadi tabir melindungi Orang Asli ditembusi oleh pembangunan dan perubahan yang akan menenggelamkan ciri-ciri tradisional hidup mereka setelah proses integrasi yang direncanakan itu menghasilkan kejayaan. Dalam proses ini pola hubungan mereka dengan alam sekitaran fizikal turut berubah.

Umumnya bagi Orang Semai tanah ‘tei’ bukanlah milik individu tapi milik bersama anggota komuniti mereka. Tidak ada sesiapa pun yang berhak mengakui ‘tei’ milik peribadinya. Seperti kata Dentan (1968: 80), ikatan antara orang Semai ini dengan ‘tei’ bukan merupakan ikatan hak milik tapi lebih merupakan ikatan sentimen. Yang mereka miliki hanyalah tumbuhan atau tanaman yang mereka usahakan atas tanah itu. Tetapi melalui Rancangan Pengumpulan Semula ini Orang Semai akan menjadi pemilik tanah. Keadaan ini akan menimbulkan masalah pada masa

hadapan kerana Orang Semai belum lagi mempunyai undang-undang perwarisan yang bersangkutan dengan harta tak alih seperti tanah dan rumah. Sesuatu langkah haruslah dibuat dari sekarang supaya sistem perwarisan yang bakal diterima oleh masyarakat ini tidak menimbulkan kesan negatif kepada taraf ekonomi tanah tersebut, dan tidak pula menimbulkan sebarang kerumitan kepada anggota bakal pewaris. Justeru itu kesepaduan komuniti dan kesepaduan keluarga dapat diteruskan.

Implikasi selanjutnya akibat daripada wujudnya hak milik tanah sebagai milik peribadi ini ialah pada masa akan datang masyarakat Semai akan menjadi masyarakat yang berkelas. Akan wujud kumpulan yang berharta dan tidak berharta. Akan lahir kelompok tuan tanah dan kumpulan yang tidak bertanah kerana berlaku proses jual beli dan tanah pula adalah sumber alam yang terhad. Kawalan dari sekarang haruslah diwujudkan supaya distribusi sumber alam ini dapat diagihkan dengan adil. Kawalan juga haruslah dibuat supaya tanah Orang Semai ini tidak jatuh ke tangan orang-orang luar pada masa hadapan. Pandangan saya ini adalah merupakan pendapat yang harus kita fikirkan dan rencanakan supaya pembangunan yang kita laksanakan hari ini tidak menjadi beban kepada Orang Semai pada masa hadapan. Pembangunan ini harus dapat *sustained* kesejahteraan hidup masyarakat tersebut pada masa hadapan. Sedapat mungkin kita tidak mahu pembangunan itu terus menerus melahirkan masalah dalam kehidupan mereka.

Orang Semai juga mempunyai persepsi tertentu tentang alam sekitaran fizikal mereka. Kepada mereka kampung halaman asal (*saka*) (Carey 1976: 142) itu mempunyai ikatan simbolis dan emosional juga mempunyai potensi ekonomi untuk kegiatan bertani bagi menjamin keperluan hidup mereka. Kawasan *saka* ini juga menentukan wilayah di mana kelompok itu berhak memburu, menangkap ikan dan memungut hasil hutan. Ia merupakan warisan tinggalan nenek moyang mereka. Di sini juga telah tumbuh pokok buah-buahan yang mereka warisi dan pada setiap musim mengeluarkan hasilnya untuk mereka nikmati. Perpindahan ke kawasan baru yang bukan berpunca daripada masalah alam fizikal tempat asal mereka adalah merupakan tindakan yang tidak bijak. Tambahan pula Betau tempat yang dituju itu adalah 'kawasan orang.' Namun demikian hidup berpindah-randah bukanlah perkara yang asing bagi Orang Semai (Dentan 1968: 40-47; Carey 1976: 142). Mereka hanya berpindah ke kawasan baru dalam wilayah 'saka' mereka bila sahaja tanah yang mereka usahakan menjadi kurang subur, tetapi mereka akan kembali semula ke kawasan pertama bila kesuburan tanah itu telah pulih semula. Tetapi perpindahan mereka ke Betau ini bukanlah kerana keperluan pertanian atau kerana kesuburan tanah di situ telah pulih, sebaliknya perpindahan ini adalah kerana kehendak kerajaan.

Mengikut pendapat Orang Semai yang telah dipindahkan ke Betau ini 'ruang hidup' mereka telah menjadi sempit bukan sahaja kerana mereka

telah dikumpulkan beramai-ramai ke dalam satu kawasan tetapi juga kerana pergerakan mereka menjadi terhad. Kadar kepadatan mereka dalam satu persekitaran ekologi itu telah meningkat. Kesannya mereka telah mengalami kekurangan sumber hutan untuk dieksploit bagi memenuhi keperluan hidup. Seperti kata seorang Batin, "Di sini semua pun susah. Padi pun tak jadi, lawok pun dah lari jauh ke utan. Sungai pun dah ta'ada ikan, sebab semua orang pun cari ikan di sini. Nak pergi ke utan kena mintak kepada pegawai dulu. Kadang-kadang dibagi, kadang-kadang tidak. Kita ini orang ukum." Persepsi negatif Orang Semai terhadap keadaan hidup di Rancangan Pengumpulan Semula ini perlu diperbaiki dengan segera supaya tidak menelurkan sikap yang negatif terhadap rancangan pembangunan ini. Pegawai-pegawai yang terlibat haruslah menjadi lebih sensitif terhadap masalah yang dirasakan oleh Orang Semai ini dan berikhtiar untuk meringankan tekanan yang mereka rasakan. Keperitan hidup yang mereka rasakan akan menyebabkan mereka menolak perubahan.

MASALAH MENJAYAKAN RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA

Pada mula rancangan ini diwujudkan sambutan dari penduduk Orang Semai sangatlah menggalakkan. Mereka terpesona dengan janji-janji yang telah dibuat oleh pihak kerajaan. Tetapi setelah melibatkan diri dalam projek tersebut mereka segera merasa kecewa kerana setelah sahaja enam bulan berada di Betau bukan sahaja bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan dipotong daripada \$100.00 kepada \$50.00 untuk setiap keluarga, tetapi juga tanaman kontan yang diharapkan dapat mereka pasaran untuk menampung hidup telah tidak berhasil. Keadaan kehidupan juga menjadi bertambah rumit. Di samping itu janji seperti menyediakan rumah pemberian tanah dusun dan tanah pertanian juga sangat lambat dilaksanakan. Mereka ternanti-nanti akan kesenangan yang dijanjikan itu. Dalam hal ini pihak JHEOA tidak boleh disalahkan kerana Jabatan ini kurang mendapat bantuan dan kerjasama dari lain-lain agensi kerajaan. Sebagai contoh Jabatan ini kadang-kadang terpaksa menanti begitu lama untuk mendapat kebebasan tanah dari pejabat tanah atau pejabat kerajaan negeri. Agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Parit dan Taliair perlulah memberikan kerjasama yang lebih erat kepada JHEOA supaya Jabatan ini dapat melaksanakan programnya mengikut jadual.

Juga dirasakan projek ini perlu mendapat pengawasan pelaksanaannya daripada kakitangan yang terlatih dan mahir. Adalah lebih berkesan lagi jika Rancangan Pengumpulan Semula ini dikendalikan seperti pengendalian yang dibuat oleh FELDA. Peneroka hanya dipindahkan setelah kawasan itu dimajukan dan dilengkapi dengan kemudahan

infrastruktur yang asas. Tetapi dalam kes Betau ini keadaan sebaliknya dilakukan. Pendudukan lebih awal dipindahkan sedangkan kawasan itu belum pun dimajukan. Hal ini menyebabkan Orang Semai itu tertantantikan perubahan yang akan mereka nikmati. Kelewatan membangunkan kawasan ini di samping keperitan hidup yang mereka alami menyebabkan rasa kecewa timbul dengan segera.

RUMUSAN

Untuk mengurangkan rasa kecewa dan keresahan yang dialami oleh Orang Semai akibat daripada perpindahan dan perubahan alam sekitar serta lambatnya pembangunan itu digerakkan, sepatutnya bantuan kewangan kepada mereka itu tidak dikurangkan dengan begitu mendadak. Asas pendapatan dan kehidupan mereka perlu mendapat perhatian yang utama supaya mereka dapat merasakan kesungguhan pihak kerajaan mahukan pembangunan dan perubahan itu untuk mereka nikmati. Jika pendapatan dan kehidupan mereka tergugat sudah barang tentu pembangunan yang dirancangan itu tidak lagi meyakinkan. Dan jika penerima perubahan itu sudah tidak yakin dengan pembangunan yang dirancangan untuk mereka, maka peluang pembangunan itu mencapai matlamatnya akan menjadi sulit.

Di samping keadaan ini Orang Semai harus juga diberikan perlindungan daripada dieksploitasi dengan sewenang-wenangnya oleh orang luar. Jika undang-undang negara memberikan mereka hak yang sama untuk menikmati kemakmuran negeri ini, undang-undang juga harus dikuatkuasakan supaya mereka terlindung daripada menjadi mangsa eksploitasi.

RUJUKAN

- Baharon, B.A.R. 1972. *Some Aspects of the Relationship of the Orang Asli and Other Malaysians*. Kuala Lumpur: JHEOA.
- Carey, I. 1976. *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: OUP.
- Carey, I. 1979. The Resettlement of the Orang Asli from a Historical Perspective. *FMJ* 24.
- Dentan, R.K. 1968. *The Semai: A non Violent People of Malaya*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Hood, M.S. 1975. Ethno historical perspectives and social change among the Orang Asli. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 6.
- Hood, M.S. 1980. Orang Asli as Peasants' Kertaskerja Conference on Development: The Peasantry and Development in the Asean Region. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jochim, M.A. 1981. *Strategies for Survival: Cultural Behaviour in Ecological Contact*. N. York: Academic Press.

_____. 1979. *Orang Asli Regroupment Scheme Betau*. Fed. Dept. of Town and Country Planning, Malaysia.

_____. 1982. *Kertas Kerja Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia*. POASM

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan
University Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.